

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Media baru penting,positif:Dayang
13 Jun 2011
Harian Ekspres (KK)
Hiburan
N/A
Daily
29,826 / 97,836

Language Malay
Page No 4
Article Size 227 cm²
Color Black/white
ADValue 468
PRValue 1,403



Media baru penting, positif: Dayang

PENGGUNAAN media baru seperti *Twitter@mobile*, *Facebook@iPhone* memberi pengaruh yang besar kepada masyarakat sejagat dalam kehidupan seharian mereka. Katakan sahaja siapa yang tidak mahu mengikuti perkembangan semasa ini, ternyata semua pasti bersetuju akan perlunya teknologi baru ini.

Tidak terkecuali juga penyanyi yang terkenal dengan lagu *Seandainya Masih Ada Cinta*, Dayang Nurfaizah (**gambar**), beliau mengagui teknologi seperti ini penting dan menganggap ia sebagai medium yang positif.

"Media-media baru seperti ini bagus, Dayang memang akui. Dayang menerima pembaharuan ini serta mengambil ia sebagai sesuatu yang positif. Malah, Dayang sendiri gunakan, bukan tidak terima langsung."

"Tapi bagi Dayang, ia adalah peribadi. Dayang bukan jenis beri nombor pada sesiapa sahaja. Kerana bagi Dayang, nombor sendiri hanya untuk berhubung dengan keluarga dan teman-teman rapat. Tetapi jika sesiapa yang mahu berinteraksi bersama Dayang, Dayang lebih selesa melalui pihak pengurusan."

"Dayang bukan langsung tidak memakai telefon bimbit, cuma jika Dayang gunakan sekalipun, ia lebih kepada hal-hal peribadi," ujar artis kelahiran Sarawak ini.

Ditanya pendapat mengenai artis yang menggunakan laman-laman sosial sebagai platform untuk mendapatkan nama, penyanyi yang mencecah usia 30 tahun ini berpendapat, semua pihak mempunyai hak mereka yang tersendiri.

"Jika gunakan ia sebagai tempat untuk promosi, Dayang rasa itu adalah langkah yang bagus. Dayang juga gunakan Facebook dan Twitter untuk mempromosikan album baru ini sekaligus memberitahu peminat-peminat dayang tentang perkembangan Dayang."

"Tetapi, jika ada artis yang gunakan media-media baru ini sebagai tempat untuk meraih populariti dengan menggunakan cerita-cerita panas, Dayang rasa terpujanglah pada mereka. Itu cara mereka. Cara Dayang lain, ia lebih kepada promosi dan pemberitahuan. Kerana bagi Dayang, semua itu terulang pada kehendak individu itu sendiri."

Sedar tak sedar, Duta Pemuliharaan dan Pengekalan Alam Semulajadi ini sebenarnya sekarang dibawah penjagaan pengurus yang baru iaitu Kak Nina. Menurut Dayang, dia tidak mempunyai masalah malah berasa amat selesa dapat diurus dengan baik tatkala ditanya tentang keadaan beliau sekarang.

"Bersama Kak Nina, Dayang rasa 'ok' dan tiada masalah bekerjasama dengannya. Kak Nina ke Kak Liza ke sama sahaja, tiada perbezaan, dua-dua bagus. Kerana bagi Dayang 'business is business'. Biarlah semuanya diuruskan oleh pengurus."

Biarpun mengalami sedikit kelewatan disebabkan proses pencarian pengedar dalam



pengeluaran album terbaru *Sayang dan Cahaya* ini, Dayang mengulas setakat ini dia tidak mempunyai apa-apa kesulitan. Bernaung di bawah pengurusan sendiri iaitu DN&AD Entertainment Sdn Bhd, album *Sayang dan Cahaya* akan dipromosikan di dua *showcase* yang berlainan bakal berlangsung dalam masa terdekat ini.

"Dayang akan mengadakan *showcase* untuk album terbaru Dayang di Hard Rock Cafe, Kuala Lumpur pada 2 Julai ini, bekerjasama dengan Malaysian Aids Counsel.

"Bermula pada jam 3 petang, program berunsur kekeluargaan ini akan lebih tertumpu pada kesedaran dan ia bersifat 2 dalam 1, iaitu promosi album sambil menyedarkan masyarakat tentang bahayanya HIV dan Aids."

"Sebahagian hasil jualan tiket akan disalurkan ke tabung Malaysian Aids Foundation. Jadi, kepada peminat Dayang, anda bolehlah mendapatkan tiket yang berharga RM50 pada 2 Julai itu di Hard Rock Cafe.

"Di samping kita boleh beramah mesra, peminat bolehlah berhibur sambil menderma," ujar Dayang yang merupakan salah seorang Selebriti Sokongan Reben Merah yang mewakili Rumah Perlindungan Wanita dan Kanak-kanak yang terlibat dengan AIDS.

"Selain itu juga, pada 6 Julai ini, Dayang turut mengadakan *showcase* untuk julung kalinya di Kuching, Sarawak. Semua ini untuk peminat Dayang yang selama ini menantikan kehadiran Dayang di sana. *Showcase* yang berkolaborasi bersama Victoria Arms ini akan bertempat di Merdeka Palace," ujar Dayang sambil melahirkan rasa tidak sabar serta teruja untuk mengadakan persembahan di tanah kelahirannya sendiri.

Bagi peminat Dayang Nurfaizah, jangan ketinggalan untuk membeli album terbaru Dayang yang telah berada di pasaran sekarang.